



Jabatan Perangkaan
M A L A Y S I A

KENYATAAN MEDIA
LANSKAP PENAWARAN PEKERJAAN DI MALAYSIA
BAGI SUKU KEDUA, 2021

**KEKOSONGAN JAWATAN YANG DIIKLANKAN DALAM TALIAN MENINGKAT
UNTUK SUKU KEDUA, 2021**

PUTRAJAYA, 25 OKTOBER 2021 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan Analisis Data Raya *Job Market Insights* dan *My Job Profile*: Lanskap Penawaran Pekerjaan di Malaysia, bagi suku kedua 2021. Kedua-dua Analisis Data Raya ini dikeluarkan secara suku tahunan dan menyediakan statistik yang disusun berdasarkan kekosongan jawatan yang diiklankan secara dalam talian oleh pelbagai syarikat yang meliputi pelbagai industri. Analisis data raya ini juga memaparkan maklumat kekosongan pekerjaan yang diiklankan dalam talian yang ditawarkan oleh majikan dari pelbagai aspek seperti jenis dan profil pekerjaan, lokasi, industri, kemahiran, bidang pengajian dan lain-lain.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “Penghasilan lanskap penawaran pekerjaan di Malaysia ini adalah inisiatif terbaru Jabatan Perangkaan Malaysia untuk membantu pelbagai pihak terutamanya pencari kerja untuk mengetahui peluang pekerjaan semasa yang ditawarkan. Teknik yang digunakan adalah berdasarkan analisis data raya yang bersumberkan pengiklanan kekosongan jawatan oleh syarikat dan tidak bertujuan untuk memberikan jumlah sebenar atau tanda aras statistik yang mutlak seperti mana statistik utama tenaga buruh bulanan yang diterbitkan. Justeru, statistik dari laporan ini hendaklah ditafsirkan dengan berhati-hati kerana keterbatasan data. Seperti yang sering berlaku pada data raya, walaupun laporan dan maklumat dari Analisis Data Raya: *Job Market Insights* dan *My Job Profile* adalah terperinci, jawatan kosong yang diiklankan dalam talian ini tidak mewakili keseluruhan populasi jawatan kosong di Malaysia.

Mengulas lanjut mengenai analisis data raya ini, “Secara keseluruhannya berdasarkan analisis data raya ke atas pengiklanan yang dibuat oleh syarikat, jumlah kekosongan jawatan yang diiklankan meningkat untuk empat suku tahunan berturut-turut kepada 90,502 pada Suku Kedua 2021 daripada 90,218 yang dicatatkan pada suku sebelumnya dan 19,169 pada Suku Kedua, 2020. Peningkatan ini melangkaui jumlah kekosongan jawatan yang diiklankan pada Suku Keempat 2019 (90,437

kekosongan), sebelum bermulanya pandemik COVID-19 di Malaysia. Jumlah kekosongan jawatan yang diiklankan dalam talian yang dipaparkan pada bulan April, Mei dan Jun masing-masing adalah 33,877, 28,242 dan 28,383”.

Seterusnya mengenai kekosongan jawatan yang diiklankan dalam talian pada Suku Kedua 2021, Ketua Perangkawan berkata “Didapati sebilangan besar majikan memerlukan pekerja dalam kategori Profesional (50.8%), diikuti oleh pekerja kategori Juruteknik dan Profesional Bersekutu (19.2%) dan Pengurus (18.4%). Lima pekerjaan paling popular yang diiklankan oleh majikan adalah Profesional Pengiklanan dan Pemasaran, Profesional Bersekutu Pentadbiran, Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif, Akauntan dan Juruaudit dan Pembangun Perisian”.

Sementara itu dari perspektif sektor ekonomi pula, aktiviti Profesional, Saintifik dan Teknikal menjadi sektor utama yang menyumbang kepada penawaran pekerjaan bagi pencari kerja iaitu 18.5 peratus berbanding di tempat kedua pada Suku Pertama 2021 (9.5 peratus). Manakala, empat (4) lagi sektor yang termasuk dalam senarai lima sektor dengan penawaran pekerjaan tertinggi bagi Suku Kedua 2021 adalah sektor Pembuatan (18.1 peratus), Perdagangan Borong dan Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal (17.9 peratus), aktiviti Kewangan dan Insurans/Takaful (8.0 peratus) dan aktiviti Penginapan dan Perkhidmatan Makanan dan Minuman (3.5 peratus).

Meneliti kepada kekosongan pekerjaan yang diiklankan mengikut negeri pada Suku Kedua 2021, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan jumlah penawaran pekerjaan tertinggi iaitu 46.6 peratus, diikuti Selangor (19.6 peratus), Johor (7.1 peratus), Pulau Pinang (6.2 peratus) dan Perak (1.4 peratus).


Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin merumuskan, “Peningkatan kekosongan jawatan yang diiklankan dalam talian pada Suku Kedua 2021, memberi gambaran ekonomi negara berada di landasan yang betul ke arah pemulihan pada suku tahun akan datang sekiranya Pelan Pemulihan Negara yang dilaksanakan berjaya mengurangkan impak pandemik dan seterusnya memulihkan ekonomi negara”. Para pengguna terutamanya pencari kerja boleh mengakses maklumat terkini penawaran pekerjaan secara suku tahunan di www.dosm.gov.my/bda-jmi dan myjobprofile.dosm.gov.my

Analisis data raya ini dapat dilaksanakan hasil kerjasama dengan pelbagai pihak terutama Kementerian Sumber Manusia dan agensi-agensi di bawahnya. Pembangunan modal insan akan terus ditingkatkan untuk memperkuatkan keupayaan data sains dalam pengeluaran pelbagai statistik analisis data raya.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) masih dilaksanakan di seluruh Negara sehingga 31 Oktober 2021 secara bersemuka dengan pematuhan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Aktiviti Semakan Kualiti (QC) dan Penyiasatan Liputan


Banci (PES) akan dilaksanakan pada November dan Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Carta 1: Kekosongan Pekerjaan dalam Talian bagi Suku Ketiga, 2019 hingga Suku Kedua, 2021




Nota: Statistik dari laporan ini hendaklah ditafsirkan dengan berhati-hati kerana keterbatasan data kerana berdasarkan analisis data raya (menggunakan kaedah *web scraping*) dan tidak menggambarkan populasi sebenar kekosongan jawatan.

Carta 2: Kekosongan Pekerjaan dalam Talian Mengikut Kategori Pekerjaan bagi Suku Pertama, 2021 dan Suku Kedua, 2021




Nota: Statistik dari laporan ini hendaklah ditafsirkan dengan berhati-hati kerana keterbatasan data kerana berdasarkan analisis data raya (menggunakan kaedah *web scraping*) dan tidak menggambarkan populasi sebenar kekosongan jawatan

Rajah 1: Kekosongan Pekerjaan dalam Talian mengikut Sektor bagi Suku Kedua, 2021



Nota: Statistik dari laporan ini hendaklah ditafsirkan dengan berhati-hati kerana keterbatasan data kerana berdasarkan analisis data raya (menggunakan kaedah *web scraping*) dan tidak menggambarkan populasi sebenar kekosongan jawatan

Rajah 2: Kekosongan Pekerjaan dalam Talian mengikut Negeri bagi Suku Kedua, 2021



Nota: Statistik dari laporan ini hendaklah ditafsirkan dengan berhati-hati kerana keterbatasan data kerana berdasarkan analisis data raya (menggunakan kaedah *web scraping*) dan tidak menggambarkan populasi sebenar kekosongan jawatan

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
25 OKTOBER 2021**



Department of Statistics
M A L A Y S I A

MEDIA STATEMENT

JOB VACANCIES LANDSCAPE IN MALAYSIA, SECOND QUARTER OF 2021

ONLINE JOB VACANCIES ROSE FOR THE SECOND QUARTER OF 2021

PUTRAJAYA, 25th OCTOBER 2021 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) launched the Big Data Analytics Job Market Insights and My Job Profile: Job Vacancies Landscape in Malaysia, second quarter of 2021. Both Big Data Analytics are quarterly releases and compiled based on the online job vacancies advertised by various companies in various industries. The Big Data Analytics also contains information on job vacancies advertised online by employers from various aspects such as by the occupation's type and profile, location, skills, the field of studies and others.

According to the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “The production of job vacancies landscape in Malaysia is the latest initiative by DOSM to assist various parties especially job seekers to obtain information on current job opportunities that being offered. Big data analytics application is being utilised to gather data on job vacancies advertised online by the companies and is not intended to provide actual numbers or absolute statistical benchmarks as provided by the key monthly labour statistics that is being published. Therefore, the statistics from this report must be interpreted with caution due to the data limitation. As is often the case with big data, although the report and information from Big Data Analytics: Job Market Insights and My Job Profile are elaborated, these online job vacancies do not represent the whole population of job vacancies in Malaysia.

Commenting further on this big data analytics, “In general, big data analytics on the job vacancies advertised by employers rose for the fourth consecutive quarters to 90,502 in the Second Quarter of 2021, from 90,218 posted in the previous quarter and 19,169 in the Second Quarter of 2020. The increase is higher than the number of job vacancies advertised in the Fourth Quarter of 2019 (90,437 vacancies), before the COVID-19 pandemic started in Malaysia. The number of job vacancies advertised online posted in April, May and June was 33,877, 28,242 and 28,383 respectively”.

Explaining further on the job vacancies advertised in the Second Quarter of 2021, Chief Statistician said "Most of the employers demanded Professional category worker (50.8%) and followed by Technicians and Associate Professionals (19.2%) and Managers (18.4%) category workers. The top five most popular jobs advertised by employers are Advertising and Marketing Professionals, Administrative Associate Professionals, Managing Directors and Chief Executives, Accountants and Auditors and Software Developers".

Meanwhile from the perspective of economic sector, Professional, Scientific and Technical activities have become the main sector contributing to job opportunities for job seekers with 18.5 percent compared to second rank in the First Quarter of 2021 (9.5 per cent). While the other four sectors which also listed in five sectors to offer the highest number of job vacancies in the Second Quarter of 2021 are Manufacturing activities (18.1 per cent); Wholesale and Retail Trade; Repair of Motor Vehicles and Motorcycles activities (17.9 per cent); Financial and Insurance/ Takaful activities (8.0 per cent); and Accommodation and Food Service activities (3.5 per cent).


Observing the job vacancies advertised by states in the Second Quarter of 2021, Federal Territory of Kuala Lumpur recorded the highest number of job vacancies advertised with 46.6 per cent, followed by Selangor (19.6 per cent), Johor (7.1 per cent), Pulau Pinang (6.2 per cent) and Perak (1.4 per cent).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin concluded, "The increase of online job vacancies advertised in the Second Quarter of 2021 has shown that the country's economy is on the right path of recovery in the upcoming quarters if the implementation of National Recovery Plan succeeded in reducing the impact of the pandemic and facilitating the recovery of the country's economy. Various users especially job seekers can access latest information on job vacancies on quarterly basis at www.dosm.gov.my/bda-jmi and myjobprofile.dosm.gov.my

The implementation of this big data analytics initiative is being done in collaboration with various parties specifically with the Ministry of Human Resources and its agencies. Human capital development will continuously be enhanced, to empower competency in data science to produce various statistics via big data analytics


The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing nationwide until 31st October 2021 through face-to-face method with the compliance of Standard Operating Procedure (SOP) implemented by Majlis Keselamatan Negara (MKN). The process of Quality Check (QC) and Post Enumeration Survey (PES) will be conducted subsequently in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as "Your Data is Our Future". Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Chart 1: Online Job Vacancies for The Third Quarter, 2019 to Second Quarter, 2021




Note: The statistics from this report must be interpreted with caution due to the data limitation as it is gathered via big data analytics (using web scraping techniques) and does not reflect the actual population of job vacancies.

Chart 2: Online Job Vacancies by Occupation Category for First Quarter, 2021 and Second Quarter, 2021




Note: The statistics from this report must be interpreted with caution due to the data limitation as it is gathered via big data analytics (using web scraping techniques) and does not reflect the actual population of job vacancies.

Figure 1: Online Job Vacancies by Sector for Second Quarter, 2021



Note: The statistics from this report must be interpreted with caution due to the data limitation as it is gathered via big data analytics (using web scraping techniques) and does not reflect the actual population of job vacancies.

Figure 2: Online Job Vacancies by State for Second Quarter, 2021



Note: The statistics from this report must be interpreted with caution due to the data limitation as it is gathered via big data analytics (using web scraping techniques) and does not reflect the actual population of job vacancies.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN OF MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
25th OCTOBER 2021**